

Publication	Harian Metro	Section / Page	25	Date	3/1/2022
Headline	Nor Azman Dilantik GCEO Takaful Malaysia				

Nor Azman dilantik GCEO Takaful Malaysia

Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (Takaful Malaysia), pengendali takaful pertama di Malaysia mengumumkan pelantikan Nor Azman Zainal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) baharu Takaful Malaysia berkuat kuasa 1 Januari 2022.

Pengerusi Takaful Malaysia, Datuk Mohammed Hussein berkata, pihaknya amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Nor Azman sebagai GCEO baharu yang mempunyai pengalaman luas dari kedua-dua latar belakang industri aktuari dan insurans yang memainkan peranan penting dalam mengendalikan Takaful Malaysia.

“Beliau bertanggungjawab memacu pertumbuhan perniagaan Kumpulan kerana kami

berhasrat meningkatkan perniagaan takaful keluarga kami ke tahap yang baharu dan mengukuhkan kedudukan kami dalam industri.

“Kepakaran beliau dalam insurans dan takaful akan membantu Takaful Malaysia memasuki fasa seterusnya di dalam inovasi,” katanya.

Nor Azman berkelulusan dari City University, London dengan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Aktuari.

Beliau seorang yang tidak asing dalam industri insurans dan takaful serta memegang peranan pengurusan kanan dan strategik dengan rekod prestasi cemerlang sepanjang 24 tahun kerjayanya dalam industri insurans hayat dan takaful keluarga bersama institusi kewangan multinasional.



NOR Azman